



SIARAN AKHBAR KOMUNITI INDUSTRI KEWANGAN: H2O HEROES

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Green Brunei, telah menjayakan inisiatif H2O Heroes: Pembersihan Sungai pada hari Ahad, 23 Jun 2024 di Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan. Inisiatif ini merupakan projek pertama di bawah platform Komuniti Industri Kewangan yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara BDCB dan institusi-institusi kewangan melalui aktiviti-aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat ataupun *Corporate Social Responsibility* (CSR).
2. Acara ini turut dianjurkan oleh 13 institusi kewangan sebagai rakan kongsi, termasuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Baiduri Bank sebagai Rakan Platinum; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Standard Chartered Brunei, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd, Audley Insurance Company Sdn Bhd dan AIA Singapore Private Limited (Cawangan Brunei) sebagai Rakan Emas; serta RHB Bank Berhad, Maybank Banking Berhad, Bank of China (Hongkong) Limited, State Street (Brunei) Sdn Bhd, United Overseas Bank Limited, dan UOB Asset Management (B) Sdn Bhd sebagai Rakan Gangsa.
3. Diadakan bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia, acara ini bertujuan untuk menggalakkan industri kewangan menyumbang kepada agenda kelestarian Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif kelestarian korporat, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar di negara ini, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampu Persatuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations' Sustainable Development Goals) 14 – Kehidupan di Bawah Air dan juga SDG 15 – Kehidupan di Darat.
4. Seramai 150 peserta telah mengambil bahagian semasa acara ini, termasuk pihak Pengurusan Eksekutif BDCB, Ketua-ketua Eksekutif institusi-institusi kewangan, Penghulu Kampong Ayer Zon 2, Ketua Kampong Mukim Saba, Pemangku Ketua Kampong Kampong Ayer Zon 3, serta wakil-wakil daripada BDCB, institusi-institusi kewangan, dan Green Brunei.
5. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan, BDCB. Dalam ucapan tersebut, beliau menggesa industri kewangan untuk mendorong Komuniti Industri Kewangan dengan idea dan projek yang inovatif dan memberi impak. Beliau kemudian menekankan kepentingan untuk menjalankan inisiatif yang bukan hanya memberi kesan positif kepada sektor kewangan tetapi juga kepada masyarakat dan alam sekitar untuk tahun-tahun dan generasi yang akan datang.
6. Sebanyak 685 kilogram sisa sampah telah berjaya dikumpul semasa acara tersebut.
7. Melalui inisiatif ini, BDCB dan sektor kewangan diharap akan terus membina rasa tanggungjawab dan keperihatinan yang mendalam terhadap alam sekitar, serta memainkan peranan penting dalam mencapai kelestarian masa hadapan.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Zulhijjah 1445 / 23 Jun 2024
Rujukan: BDCB/COMMS/3